

'Tiada penekanan semai aspirasi nasional pelajar'

Kuala Lumpur: Peningkatan jumlah pelajar tempatan di sekolah antarabangsa tanpa kawalan boleh menjejaskan usaha pembinaan negara bangsa di Malaysia.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, menegaskan kurikulum sekolah antarabangsa tidak memberi penekanan untuk menyemai aspirasi nasional kepada pelajarinya.

Malah, katanya, subjek Bahasa Melayu dan Sejarah yang wajib diajar di sekolah antarabangsa juga tidak cukup untuk membina jati diri anak Malaysia dalam kalangan pelajar tempatan yang mengikuti pengajian di institusi itu.

"Setiap tahun, semakin ramai pelajar tempatan di sekolah antarabangsa. Ini sepatutnya tidak boleh berlaku, kerana akan menyebabkan mereka terpisah daripada aspirasi nasional yang banyak dipupuk dalam kurikulum kebangsaan.

"Apabila semakin ramai warga tempatan meninggalkan kurikulum kebangsaan, kemungkinan besar jati diri sebagai anak Malaysia akan berkurangan atau tiada kerana mereka dibentuk

oleh kurikulum luar, sama ada dari United Kingdom, Amerika Syarikat atau Australia.

"Jika sekolah antarabangsa terus diberi kebebasan menerima pelajar tempatan, ia juga akan melebarkan jurang antara anak 'orang berada' dan anak golongan biasa yang bersekolah di sekolah kerajaan," katanya kepada BH.

Kok Seong menegaskan, Kementerian Pendidikan wajar mengawal jumlah kemasukan pelajar tempatan ke sekolah antarabangsa, khususnya mengembalikan matlamat asal institusi itu, berbanding operasinya ketika ini yang dilihat cenderung untuk mencari keuntungan.

"Sepatutnya hanya anak warga asing atau golongan ekspatriat dibenarkan, manakala warga tempatan pula perlu dikenakan syarat jelas, iaitu hanya mereka yang sebelum ini membesar di negara asing kerana ibu atau bapa bertugas secara rasmi di luar negara," katanya.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad, percaya 'kebebasan' yang diberikan kepada pelajar tempatan untuk ke sekolah antarabangsa akan menggagalkan usaha perpaduan nasional, selain mewujudkan persai-



Subjek Bahasa Melayu dan Sejarah yang wajib diajar di sekolah antarabangsa juga tidak cukup untuk membina jati diri pelajar tempatan yang mengikuti pengajian di institusi itu.

Teo Kok Seong,
Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ngan antara sekolah kerajaan dengan sekolah antarabangsa.

"Persaingan ini tidak begitu adil untuk sekolah kerajaan kerana sudah pasti sekolah antarabangsa yang memiliki sumber kewangan besar lebih berkemampuan untuk melakukan segala-galanya," katanya.

Pada masa sama, bekas Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) itu turut menegaskan keperluan merombak sistem pendidikan kebangsaan supaya selari dengan kehendak masa depan, bagi memastikan ibu bapa yakin dan tidak membawa anak mereka 'lari' daripada kurikulum kebangsaan.

Sementara itu, Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif Asia e-University (AcU), Prof Dr John Arul Phillips, menjelaskan ibu bapa lebih memilih sekolah antarabangsa kerana medium pengajiannya yang menggunakan bahasa Inggeris, di samping kemudahan prasarana yang ditawarkan.

Jelasnya, ibu bapa juga lebih sukakan kurikulum dan kaedah pengajaran di sekolah antarabangsa yang menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif, berbanding kurikulum kebangsaan yang terlalu mene-

kankan peperiksaan:

"Kurikulum berteraskan peperiksaan hanya menyekat kreativiti minda pelajar, kemudian kita mengasingkan pelajar dalam kelas berbeza mengikut keputusan peperiksaan.

"Bayangkan kesan kepada pelajar yang berada dalam kelas lemah selama 11 tahun," katanya.

Meskipun mengakui operasi sekolah antarabangsa ketika ini 'menyimpang' daripada dasar pendidikan kebangsaan, Phillips yakin ia tidak memberi kesan kepada perpaduan nasional kerana interaksi dan integrasi antara pelbagai kaum, sama ada Melayu, Cina atau India, berlaku di sekolah antarabangsa.

"Kerajaan juga tidak perlu sekat atau kawal jumlah pelajar tempatan kerana mereka juga akan menyumbang kepada pembangunan negara, sebaliknya lebih wajar jika kaedah pengajaran di sekolah kerajaan mencontohi sekolah antarabangsa.

"Kurangkan peperiksaan, praktikkan kaedah pengajaran abad ke-21 di semua sekolah, sama ada di bandar atau luar bandar; pastikan sekolah kerajaan mampu menjadikan pelajarinya menguasai bahasa Inggeris," katanya.